



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

MAJLIS KONVOKESYEN MAMACARE KE-4 TAHUN 2025

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN BESAR PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN
SULTAN SALLAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, UPM
24 JULAI 2025 (KHAMIS)
9.00 PAGI**

Kemas kini 23 Julai 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam suasana yang cukup istimewa – **Majlis Konvokesyen MamaCare kali ke-4.**

2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan MamaCare yang telah berjaya menamatkan pengajian **Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 (DKM4) dalam Penjagaan Ibu Selepas Bersalin**. Anda semua membuktikan bahawa wanita bukan sahaja mampu menjaga keluarga, tetapi juga menjadi tenaga profesional yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

MAMACARE: AMALAN TRADISI, NILAI EKONOMI

3. MamaCare merupakan antara program penting di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui LPPKN yang memperkasa wanita, khususnya dalam bidang kesihatan dan penjagaan selepas bersalin.

4. Kaedah tradisional seperti mengurut, bertungku, berbengkung dan penggunaan herba bukan sekadar warisan—ianya juga satu bentuk perkhidmatan yang sangat diperlukan. Hari ini, kita melihat permintaan tinggi terhadap pengamal postnatal yang profesional dan bertauliah.

5. Sebab itu, kita bangunkan program latihan yang **standard, komprehensif dan diiktiraf** melalui **National Occupational Skills Standard (NOSS)**, dengan kerjasama rapat daripada KKM dan JPK. Ini adalah usaha kerajaan untuk **mengangkat amalan tradisional ke tahap profesional.**

6. Hari ini, bidang penjagaan selepas bersalin bukan lagi kerja suka-suka. Ia satu profesion. Para graduan MamaCare kini memiliki kemahiran seperti urutan terapeutik, pemakanan berpantang, penyusuan bayi, keibubapaan, penyediaan herba dan khidmat nasihat keluarga. Ini adalah pakej lengkap seorang profesional penjagaan pasca bersalin.

7. Sejak 2012 hingga Jun 2025, **2,661 orang pengamal** telah dilatih. Seramai **1,482 telah ditauliahkan DKM4** dan hampir **60,000 wanita** telah menerima perkhidmatan MamaCare. Ini satu pencapaian besar. **Syabas!**

8. Pada tahun ini juga, kerajaan telah menguatkuasakan **Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775]**. Berdasarkan Seksyen 22(1), semua pengamal postnatal mesti mempunyai DKM4 MamaCare. Ini adalah langkah penting untuk **menjaga kualiti dan keselamatan perkhidmatan**.

9. Walaupun dianggarkan terdapat **16,500 pengamal urutan postnatal**, hanya **984 orang** yang berdaftar secara rasmi dengan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari. Melalui pensijilan hari ini, saya harap lebih ramai pengamal akan tampil mendaftar dan menjadi sebahagian daripada komuniti profesional ini.

HALA TUJU MAMACARE: PERANAN LPPKN DAN EKONOMI MADANI

10. Majlis konvokesyen ini bukan sekadar meraikan pencapaian, tetapi juga satu **pengiktirafan** kepada profesion penjagaan wanita selepas bersalin. Namun kita sedar, **kekurangan tenaga bertauliah** masih menjadi cabaran besar dalam industri ini.

11. Oleh itu, LPPKN akan terus memperkasa latihan berstruktur, berasaskan ilmu saintifik dan amalan selamat. Inilah cara kita menepati hasrat **Ekonomi MADANI**—di mana industri penjagaan atau *Care Economy* menjadi salah satu pemacu utama perubahan dalam landskap ekonomi negara.

12. Bagi menyokong hala tuju ini, LPPKN akan menubuhkan **lima (5) buah Pusat Penilaian Amali** di Pulau Pinang, Dungun, Seremban, Kempas dan Ibu Pejabat LPPKN. Ini akan membuka lebih banyak peluang kepada wanita untuk mendapat latihan, dan akhirnya menjana pendapatan sendiri.

PENUTUP: TERUS BERBAKTI DENGAN SEMANGAT

13. Kepada semua graduan MamaCare, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah. Anda bukan sahaja membawa harapan keluarga, tetapi juga menjadi duta kepada satu profesion yang sangat mulia. Jangan pernah hilang semangat dan etika dalam memberi perkhidmatan terbaik.

14. Terima kasih juga saya ucapkan kepada LPPKN dan Family Wellbeing Sdn. Bhd. (FWSB), anak syarikat LPPKN, atas kejayaan penganjuran majlis yang penuh makna ini. Semoga kejayaan hari ini menjadi permulaan kepada perjalanan yang lebih cemerlang untuk anda semua.
15. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya **merasmikan Majlis Konvokesyen MamaCare LPPKN Kali Ke-4 Tahun 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

24 Julai 2025